

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

22hb. April, 1970

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.8 TAHUN 1970

Tuan,

Elaun Mempelajari Bahasa

Adalah dimaalumkan bahawa telah diputuskan iaitu pegawai-pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri adalah di benarkan memohon bagi mendapat elaun mempelajari sesuatu bahasa yang diakui sekiranya Setia Usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri/Setia Usaha Kementerian yang berkenan membuat perakuan bahawa seseorang pegawai itu perlu mempunyai pengetahuan sesuatu bahasa yang diakui yang mustahak bagi menyelenggarakan tugas-tugasnya.

2. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan lain daripada Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri adalah juga dibenarkan memohon elaun itu jika mereka diperakukan oleh Setia Usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri bahawa adalah perlu untuk mereka mengetahui sesuatu bahasa asing dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.

3. Sekolah-sekolah bahasa yang dihadziri oleh seseorang pegawai itu hendaklah diperakukan oleh Setia Usaha Tetap, Kementerian Luar negeri dan dipersetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia. Sekolah Bahasa yang istimewa (exclusive) yang mengenakan yuran (tuition) yang mahal tidak akan di luluskan. Kelas bahasa jika diadakan hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.

4. Kadar elaun mempelajari bahasa yang boleh di tuntutan oleh seseorang pegawai adalah seperti berikut :-

(a) Di Malaysia atau di Singapura

Jika pegawai itu menghadziri sekolah/kelas bahasa elaun yang boleh di tuntutan itu ialah yuran sekolah/kelas itu yang sebenarnya , dengan syarat tidak melebihi \$45.00 sebulan bagi sekolah/kelas yang mengadakan pengajaran tidak kurang daripada 12 jam sebulan dan sekurang-kurangnya sejam bagi tiap-tiap kali.

(b) Di negeri-negeri lain

(i) Jika menghadziri sekolah/kelas bahasa, kadar elaun yang boleh

dituntuti ialah yuran sekolah/Kelas itu yang sebenarnya dengan syarat

tidak melebihi \$80.00 sebulan bagi sekolah/kelas yang mengadakan pengajaran tidak kurang daripada 12 jam sebulan dan sekurang-kurangnya sejam bagi tiap kali;

(ii) Jika mengambil guru mengajar -

(a) Bagi 1 orang murid - \$8 sejam dengan syarat tidak melebihi \$96 sebulan.

- (b) Bagi 2 orang murid - \$10 sejam dengan syarat tidak melebihi \$120 sebulan.
 - (c) bagi 3 orang murid - \$12 sejam dengan syarat tidak melebihi \$144 sebulan.
- (c) Bayaran elaun yang lebih daripada kadar-kadar yang ditetapkan diatas akan di pertimbangkan jika Kementerian Luar Negeri atau kementerian yang berkenaan membuat perakuan.

5. Elaun Mempelajari Bahasa akan dibayar kepada seseorang pegawai bagi tempoh satu tahun pada mulanya atau sehingga pegawai itu lulus sesuatu peperiksaan awalan mengikut yang mana terdahulu. Pembayaran elaun itu boleh dilanjutkan hingga setahun lagi atau sehingga pegawai itu lulus ujian kemahiran mengikut yang mana terdahulu dengan syarat Kementerian Luar Negeri atau Kementerian yang berkenaan membuat perakuan dan dipersetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.

6. Peperiksaan dalam sesuatu bahasa itu hendaklah di selenggarakan oleh pihak atau badan-badan yang menguruskan peperiksaan yang diperakukan oleh Kementerian Luar Negeri dan di persetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia bagi pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri. Bagi pegawai lain, kelulusan ketua Pengarah Perkhidmatan Awam adalah diperlukan.

7. Bahasa yang diakui bagi maksud pembayaran elaun mempelajari bahasa ialah bahasa yang terpenting di dunia dan terpenting di gunakan di Bangsa-bangsa Bersatu seperti Bahasa Perancis, Sepanyol, Jerman, Russia dan Jepun serta bahasa lain yang diperakukan oleh Setia Usaha Tetap/ Kementerian Luar Negeri dan di persetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia bagi pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dalam sektor Luar Negeri. Bahasa Inggeris tidak disifatkan sebagai bahasa yang di akui maksudkan ini.

8. Bagi Pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dalam sektor dalam negeri dan pegawai lain, elaun mempelajari bahasa juga akan dibayar mengikut kadar seperti di perenggan 4, untuk membolehkan mereka mempelajari bahasa seperti bahasa China, Tamil Iban atau pun bahasa lain sekiranya Setia Usaha Kementerian, setiausaha Kerajaan Negeri atau Ketua Jabatan memperakukan bahawa bahasa itu penting kepada pegawai berkenaan dalam menjalankan tugas hariannya dengan sempurna dan dipersetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Pegawai-pegawai Pekhidmatan Dalam dan Luar Negeri yang boleh dilepaskan untuk mengikuti kursus bahasa China di Sekolah Bahasa China Kerajaan, di Kuala Lumpur, hendaklah menggunakan kemudahan yang sedia ada itu dan mereka tidak layak di bayar elaun mempelajari bahasa ini.

9. Elaun mempelajari bahasa tidak akan dibayar kepada seseorang pegawai yang pada biasanya menggunakan bahasa tu sebagai Bahasa Ibundanya dan juga kepada seseorang pegawai yang mempelajari bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN ZAKARIA)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setia Usaha Negara,

Ketua Pentadbir hal Ehwal Awam,

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Yang Berhormat Setia Usaha-Usaha Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia Barat.